

31

SOALAN NO: 19

Antara notis peringatan yang pernah dikeluarkan oleh SKMM adalah supaya orang awam tidak menyebarkan, memuatnaik atau berkongsi gambar mangsa tragedi pelajar Tingkatan 2 yang maut terkena bilah traktor mesin rumput di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tuanku Abd Rahman di Gemas, gambar-gambar mangsa tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah, gambar kemalangan mendiang Yang Berhormat Karpal Singh, gambar mangsa pesawat MH17 dan sebagainya. Langkah ini akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran orang ramai.

Pihak Kementerian melalui SKMM juga turut menggerakkan program-program advokasi di seluruh negara yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, bagi mendidik para pengguna mengenai penggunaan Internet secara positif dan beretika.

Langkah-langkah yang diambil dilihat membuahkan hasil yang positif di mana pemantauan SKMM mendapati bahawa masyarakat khususnya para pengguna internet sendiri kini lebih prihatin dan matang dalam melaksanakan kawalan sendiri bagi menghentikan penyebaran, serta mengambil tindakan saling menegur pihak-pihak yang memuatnaik dan menyebarkan paparan grafik keterlaluan dan gambar-gambar mangsa tragedi yang boleh menyentuh sensitiviti dan emosi pelbagai pihak.

Penyebaran dokumen rahsia secara khusus tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) di bawah bidang kuasa pihak PDRM. Pihak SKMM membantu dan memberi khidmat sokongan siasatan kepada PDRM meliputi aspek pembekalan maklumat dan khidmat forensik digital mengikut keperluan kes dan siasatan.